

## **SOALAN LAZIM: KEMUDAHAN PEMBIAYAAN KENDERAAN**

### **1. SIAPAKAH YANG BOLEH MEMOHON PINJAMAN KENDERAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN?**

- i. Pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang berjawatan tetap.
- ii. Pegawai-pegawai yang berkhidmat secara kontrak. Pegawai yang masih dalam tempoh percubaan atau berkhidmat secara kontrak, hendaklah dijamin oleh 2 orang pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan dari Gred 27 ke atas yang telah disahkan dalam jawatannya.

### **2. APAKAH SYARAT ASAS BAGI MELAYAKKAN PEGAWAI MEMBUAT PINJAMAN KENDERAAN?**

- i. Membeli kenderaan yang dibenarkan mengikut kelayakan dan kemampuan seseorang pegawai
- ii. Memerlukan kenderaan untuk menjalankan tugas rasmi dengan sempurna
- iii. Jumlah ansuran potongan bulanan tidak melebihi  $\frac{1}{3}$  dari gaji pokok
- iv. Jumlah potongan termasuk potongan bagi pembiayaan kenderaan tidak melebihi 60% dari jumlah gaji pokok dan elaun bulanan
- v. Bagi pembelian kereta, Pegawai mesti mempunyai gaji pokok sekurang-kurangnya RM1,620.00 jika kurang kena dapatkan kelulusan khas dari Perbendaharaan.

### 3. BERAPAKAH HAD KELAYAKAN MAKSIMUM BAGI PINJAMAN KENDERAAN ?

- i. Pembelian Kereta adalah mengikut jawatan

Jawatan	Had Pinjaman (RM)
Jawatan Utama dan Jawatan Gred Khas, Timbalan Pesuruhjaya Polis hingga Ketua Polis Negara	70,000
Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Penolong Penguasa Polis hingga Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis	65,000
Kumpulan Sokongan @ Ketua Inspektor polis dan ke bawah	55,000

- ii. Pembelian Motosikal RM 10,000
- iii. Pembelian Motobot RM 4,000
- iv. Pembelian Enjin Motobot RM 3,500
- v. Pembelian Bot RM 700

### 4. BAGAIMANA PERKIRAAN JUMLAH PINJAMAN YANG BOLEH DILULUSKAN?

Jumlah pinjaman tidak boleh melebihi harga bersih kenderaan dan tidak boleh dimasukkan bayaran cukai jalan raya, bayaran insurans dan lain-lain bayaran atau aksesori tambahan yang berkenaan kepada kenderaan tersebut. Harga bersih kenderaan ialah harga jualan kenderaan + cukai eksais + cukai jualan + hawa dingin + getah pelapik lantai dan penahan lumpur.

Jumlah pinjaman yang diluluskan hendaklah dibundarkan kepada angka ratusan ringgit yang kurang kecuali bagi pinjaman untuk membeli bot dan basikal.

## 5. BERAPA LAMAKAH TEMPOR BAYARAN BALIK MAKSIMA YANG DIBENARKAN?

Misalnya, bagi permohonan sebanyak RM13,950.00, pinjaman yang boleh diluluskan ialah RM13,900.00. Satu lagi contoh ialah bagi membeli kereta yang berharga bersih RM19,993.00 tetapi pegawai berkenaan mempunyai kelayakan maksima meminjam RM23,000.00, pinjaman yang boleh diluluskan ialah RM19,900.00.

Bil.	Jenis Kenderaan	Tempoh
a.	Kereta baru	Tidak melebihi 108 bulan
b.	Kereta terpakai	Tidak melebihi 96 bulan
c.	Motorsikal Baru	Tidak melebihi 60 bulan
d.	Motosikal terpakai	Tidak melebihi 48 bulan
e.	Motobot	Tidak melebihi 48 bulan
f.	Enjin Motobot	Tidak melebihi 48 bulan
g.	Bot	Tidak melebihi 24 bulan
h.	Basikal	Tidak melebihi 20 bulan

## 6. BOLEHKAH PEGAWAI MEMBUAT PINJAMAN KALI KEDUA?

Boleh, setiap 5 tahun sekali dengan syarat pinjaman pertama telah genap 5 tahun dan telah diselesaikan sepenuhnya. Sila rujuk pekeliling seperti berikut:

*(WP 9.2 /2013 – Konvensional)*

*(WP 9.3/2013 – Al Bai' Bithaman 'Ajil – Islamik)*

## **7. APAKAH TINDAKAN YANG SEPATUTNYA DIAMBIL BAGI MENGELAKKAN TERLEBIH POTONGAN GAJI PEMINJAM APABILA TEMPOH PINJAMAN KENDERAAN TELAH TAMAT?**

Pemberhentian potongan gaji adalah secara automatik mengikut tempoh perjanjian. Sekiranya potongan gaji masih berjalan selepas tamat tempoh pinjaman, sila maklumkan kepada Bahagian Akaun Kementerian untuk tindakan pemberhentian potongan gaji. Setelah pemberhentian gaji berjaya dilakukan, peminjam perlu mengemukakan salinan slip gaji potongan yang terlebih potong dan slip gaji terkini serta salinan akaun bank untuk tujuan bayaran balik (refund) potongan pinjaman.

## **8. BAGAIMANA PEMINJAM BOLEH MENDAPAT PEMBATALAN CATATAN “HAK MILIK DITUNTUT OLEH KERAJAAN”?**

Peminjam perlu mendapatkan surat pengesahan telah tamat tempoh pinjaman daripada Bahagian Akaun Kementerian dan membawa surat tersebut ke Bahagian Kewangan Kementerian/Jabatan dimana tempat peminjam membuat pinjaman untuk membuat pembatalan dalam Sistem JPJ (FIS). Selepas itu Bahagian Kewangan Kem/Jab akan mengeluarkan surat pembatalan hak milik kepada peminjam untuk dibawa ke Jabatan Pengangkutan Jalan untuk membatalkan catatan “HAK MILIK DITUNTUT OLEH KERAJAAN”.

## **9. BOLEHKAH PEGAWAI MENGGUNA PINJAMAN KENDERAAN KERAJAAN UNTUK MENYELESAIKAN BAKI (RE-FINANCE) BAGI KENDERAAN YANG TELAH DIBELI MENGGUNAKAN PINJAMAN BANK?**

Tidak boleh, sebab Skim Pembiayaan Kenderaan bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam adalah untuk membiayai pinjaman baru sahaja bukan untuk pinjaman semula.

*(WP 9.2 /2013 Perenggan 16.1)*

*( WP 9.3/2013 Perenggan 16.1)*

## 10. BAGAIMANA PROSEDUR UNTUK MEMBUAT PENYELESAIAN AWAL BAKI PINJAMAN KENDERAAN?

1. Peminjam perlu dapatkan surat pengesahan baki pinjaman daripada Bahagian Akaun Kementerian masing-masing. Proses Pertanyaan Baki boleh dibuat secara berikut :

- a. Secara Pos atau e-mail – peminjam perlu menghantar surat pertanyaan baki untuk penyelesaian sekaligus baki pinjaman kenderaan kepada Bahagian Akaun Kementerian melalui pos atau e-Mail. Maklumbalas kepada pertanyaan baki ini akan dikemukakan kepada Ibu Pejabat jabatan peminjam dan juga kepada peminjam.

Atau

- b. Perkhidmatan online - maklumat Pinjaman Kenderaan, di laman web rasmi [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my) di mana peminjam boleh mengunci masuk butir-butir pinjaman sendiri. Tidak perlu melalui Kementerian peminjam. Walau bagaimanapun pertanyaan baki ini akan disalurkan kepada Bahagian Akaun Kementerian peminjam.

2. Peminjam seterusnya perlu membuat pembayaran berdasarkan baki yang disahkan dan mematuhi tempoh tarikh yang ditetapkan:-

- a. Bagi pinjaman dibawah Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Persekutuan, dibayar tunai/bank deraf atas nama Akauntan Negara Malaysia, melalui Bahagian Kewangan jabatan peminjam;

Atau

- b. Bagi pinjaman dibawah Skim Pinjaman Kenderaan Kerajaan (GSVL) Bank Simpanan Nasional(BSN), dibayar terus di kaunter BSN yang berdekatan.